A

Ahmad Ikhwan bin Ahmad Fauzi (mendakwa melalui bapa dan sahabat wakilnya Ahmad Fauzi bin Abdullah) lwn Ahmad Safwan Hanim bin Mohd Fahimi dan lain-lain

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — WRIT SAMAN NO TA-21NCVC-3–04 TAHUN 2017
ZAINAL AZMAN H
7 JUN 2020

C

Tort — Kecuaian — Liabiliti — Tuntutan ganti rugi — Perbuatan buli terhadap plaintif — Sama ada defendan pertama sehingga kelima telah membuli plaintif — Sama ada defendan keenam sehingga kesembilan telah cuai untuk memastikan keselamatan plaintif semasa berada di dalam kawasan sekolah — Sama ada defendan keenam dan ketujuh bertanggungjawab atas segala perbuatan dan tindakan buli yang dilakukan oleh defendan pertama sehingga kelima — Sama ada defendan kelapan dan kesembilan bertanggungjawab atas segala kecuaian dan tindakan defendan pertama sehingga ketujuh — Sama ada plaintif berhak mendapat ganti rugi

D

E

Plaintif adalah pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Kuala Terengganu telah mengambil tindakan terhadap defendan pertama hingga kesembilan di atas satu kejadian buli yang berlaku pada 26 April 2015 di bilik asrama ketua pengawas dan penolong ketua pengawas di mana plaintif telah mengalami kecederaan di telinga kanan, muka dan badan akibat daripada kejadian buli tersebut. Defendan keenam sehingga kesembilan telah gagal, enggan atau cuai untuk memastikan keselamatan plaintif semasa berada di dalam kawasan sekolah tersebut yang mana ianya telah menyebabkan defendan pertama sehingga kelima melakukan serangan buli terhadap plaintif. Semasa kejadian berlaku, ketua pengawas dan penolong ketua pengawas yang berada di dalam bilik yang sama tidak mengambil apa-apa tindakan atau melarang perbuatan defendan-defendan pertama hingga kelima tersebut. Akibat daripada perbuatan buli tersebut, plaintif telah mengalami kecederaan sepertimana laporan perubatan yang telah dikeluarkan oleh Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Pada 27 April 2016, defendan-defendan pertama hingga kelima telah didakwa di mahkamah majistret di bawah s 323 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama. Mereka telah mengaku salah akan pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman bon berkelakuan baik selama dua tahun. Akibat daripada kejadian serangan dan buli tersebut, plaintif menyatakan bahawa beliau telah mengalami kecederaan yang teruk, kejutan dan tekanan perasaan, trauma dan kehilangan tumpuan pembelajaran yang teruk. Plaintif juga mengalami perasaan takut yang mana mengakibatkan plaintif telah bertukar sekolah

F

G

H

I

untuk menyambung pelajaran. Oleh itu, tindakan ini oleh plaintif terhadap defendan-defendan. A

Diputuskan, membenarkan tuntutan:

(1) Ketua pengawas dan penolong ketua pengawas selaku wakil pihak pentadbiran sekolah telah bersekongkol dan bersubahat di dalam perbuatan tersebut walaupun mereka tidak mengambil peranan aktif. Kejadian berlaku di atas kesedaran yang penuh. Memandangkan bilik ketua pengawas dan bilik penolong ketua pengawas adalah sebagai wakil pihak pentadbiran khususnya, defendan keenam dan ketujuh harus bertanggungjawab akan apa yang berlaku di dalam bilik tersebut. Pengakuan bersalah defendan-defendan pertama hingga kelima di mahkamah majistret adalah mengikat dan muktamad. Defendan-defendan pertama hingga kelima adalah bertanggungan di atas segala perbuatan yang telah dilakukan terhadap plaintif. Kegagalan defendan keenam dan ketujuh untuk memanggil dua saksi penting iaitu ketua pengawas dan penolong ketua pengawas membolehkan mahkamah mengguna pakai *adverse inference* menurut s 114(g) Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 17–21) B C D

(2) Walaupun pihak sekolah melalui keterangan SD13 ada mengakui bahawa beliau adalah warden yang bertugas pada malam tersebut, SD13 telah tidak memeriksa bilik ketua pengawas. Sebagai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, defendan keenam dan ketujuh adalah bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal keselamatan pelajar-pelajar sekolah dan juga di asrama. Sebagai pengetua dan pengerusi juga mereka bertanggungjawab ke atas segala kerja yang dilakukan oleh warden di sekolah tersebut. Defendan keenam dan ketujuh punya tugas bertanggungjawab atau punya kewajipan penjagaan terhadap plaintif (lihat perenggan 22–24). E F G

(3) Defendan kelapan selaku majikan dan prinsipal defendan-defendan keenam dan ketujuh adalah bertanggungjawab di atas hal ehwal pelajar di sekolah tersebut dan dengan itu defendan kelapan adalah bertanggungan secara *vicarious* di atas pelanggaran kewajipan tersebut. Defendan kesembilan adalah bertanggungan secara *vicarious* terhadap perbuatan dan tindakan defendan-defendan keenam, ketujuh dan kelapan di atas kecederaan yang menimpa plaintif. Kesemua defendan-defendan khasnya defendan keenam hingga kelapan adalah bertanggungan ke atas kejadian yang berlaku terhadap plaintif dan dengan mengguna pakai peruntukan ss 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956, defendan kesembilan adalah bertanggungan secara *vicarious* terhadap plaintif (lihat perenggan 27–28 & 31). H I

(4) Kesemua defendan-defendan adalah bertanggungan cuai terhadap plaintif dan dengan itu kesemua defendan-defendan adalah

bertanggungan ke atas kerugian yang dialami oleh plaintif. Ganti rugi diberikan seperti berikut: (a) ganti rugi khas berjumlah RM4,634.20; (b) ganti rugi am berjumlah RM422,000; dan (c) ganti rugi teladan berjumlah RM120,000 (lihat perenggan 32 & 34).

[English summary

The plaintiff was a form two student of Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Kuala Terengganu had taken action against the first to ninth defendants in a bullying incident that occurred on 26 April 2015 in the dormitory room of the head prefect and assistant head prefect where the plaintiff was injured in the right ear, face and body as a result of the bullying incident. The sixth to ninth defendants had failed, refused or were negligent to ensure the safety of the plaintiff while in the school grounds which in turn caused the first to fifth defendants to carry out a bullying attack on the plaintiff. During the incident, the head prefect and assistant head prefect who were in the same room did not take any action or prohibit the actions of the first to fifth defendants. As a result of the bullying, the plaintiff suffered injuries according to a medical report issued by Sultanah Nur Zahirah Hospital, Kuala Terengganu. On 27 April 2016, the first to fifth defendants were charged at the magistrate court under s 323 of the Penal Code and read together with s 34 of the same Code. They had pleaded guilty to the charge and were sentenced to two years of good behaviour bond. As a result of the attack and bullying, the plaintiff stated that he had suffered severe injuries, shock and emotional stress, trauma and severe loss of concentration. The plaintiff also experienced fear which resulted in the plaintiff having switched schools to continue his studies. Therefore, this action by the plaintiff against the defendants.

Held, allowing the claim:

(1) The head prefect and assistant head prefect as representatives of the school administration had conspired in the act even though they did not take an active role. The incident occurred on full consciousness. Since the head prefect's room and assistant head prefect's room were as representatives of the administration in particular, the sixth and seventh defendants should be responsible for what happened in the room. The first to fifth defendants' guilty plea in the magistrate court was binding and final. The first to fifth defendants were liable for all acts committed against the plaintiff. The failure of the sixth and seventh defendants to call two important witnesses, ie the head prefect and assistant head prefect allowed the court to adopt adverse inference pursuant to s 114(g) of the Evidence Act 1950 (see paras 17–21).

(2) Although the school through the evidence of SD13 acknowledged that he was the warden on duty that night, SD13 had not inspected the head prefect's room. As the Senior Assistant of Student Affairs, the sixth and seventh defendants were responsible to take care of the safety of the

student in school as well as in the hostel. As the principal and chairman, they were also responsible for all the work done by the warden at the school. The sixth and seventh defendants was liable or had a duty of care to the plaintiff (see paras 22–24).

(3) The eighth defendant as the employer and principal of the sixth and seventh defendants was responsible for the student affairs of the school and thus the eighth defendant was vicariously liable for the breach of duty. The ninth defendant was vicariously liable for the doings and actions of the sixth, seventh and eighth defendants for the injuries inflicted on the plaintiff. All the defendants, especially the sixth to eighth defendants, were liable for the incidents that occurred against the plaintiff and by applying the provisions of ss 5 and 6 of the Government Proceedings Act 1956, the ninth defendant was vicariously liable to the plaintiff (see paras 27–28 & 31).

(4) All the defendants were negligently liable to the plaintiff and thus all the defendants were liable for the loss suffered by the plaintiff. Damages were given as follows: (a) special damages amounting to RM4,634.20; (b) general damages amounting to RM422,000; and (c) exemplary damages amounting to RM120,000 (see paras 32 & 34).]

Kes-kes yang dirujuk

Mek Eshah Jusoh v Kerajaan Malaysia dan lain-lain [2017] MLRHU 1276, MT (dirujuk)

Mohamed Raihan bin Ibrahim & Anor v Government of Malaysia & Ors [1981] 2 MLJ 27; [1980] 1 MLRA 10, MP (diikut)

Nurul Atikah binti Mustafa Kamal (seorang kanak-kanak mendakwa melalui bapa atau wakil litigasi, Mustafa Kamal bin Omar) v Nurazlina Suriani binti Zulkifly & Ors [2019] MLJU 178; [2019] MLRH 393, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Prosiding Kerajaan 1956 ss 5, 6
Akta Keterangan 1950 s 114(f)
Kanun Keseksaan ss 34, 323

(WA Wan Adnan & Assoc) bagi pihak plaintif.
(WM Haidi & Assoc) bagi pihak defendan pertama dan ketiga
(Zaidan & Co) bagi pihak defendan kedua dan keempat
(Alda Shukri Khairi & Assoc) bagi pihak defendan kelima
(Pengarah Guaman Negeri Terengganu, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu) bagi pihak defendan keenam hingga kesembilan

Zainal Azman H:

PENGENALAN

[1] Plaintif adalah pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud ('SESMA'), Kuala Terengganu telah mengambil tindakan terhadap defendan pertama hingga kesembilan di atas satu kejadian buli yang berlaku pada 26 April 2015 pada lebih kurang pukul 10.40 malam sehingga 2 pagi di bilik asrama ketua pengawas dan penolong ketua pengawas di mana plaintif telah mengalami kecederaan di telinga kanan, muka dan badan akibat daripada kejadian buli tersebut.

[2] Defendan keenam sehingga kesembilan telah gagal, enggan atau cuai untuk memastikan keselamatan plaintif semasa berada di dalam kawasan sekolah tersebut yang mana ianya telah menyebabkan defendan pertama sehingga kelima melakukan serangan buli terhadap plaintif.

[3] Setelah mendengar keterangan daripada kesemua pihak dan setelah menimbangkan penghujahan, mahkamah telah mendapati dan memutuskan bahawa kesemua defendan-defendan adalah bertanggungan cuai di dalam kejadian buli yang berlaku dan dengan ini membenarkan tuntutan ganti rugi khas dan ganti rugi am terhadap plaintif yang mana ianya adalah akibat secara langsung daripada perbuatan buli yang berlaku terhadap plaintif.

FAKTA KES

[4] Menurut keterangan plaintif (PSP1), pada 26 April 2015 pada kira-kira pukul 10.30 malam, beliau telah dipanggil oleh rakan pelajar untuk pergi ke bilik asrama ketua pengawas dan penolong ketua pengawas di SESMA tersebut. Semasa plaintif sampai di bilik tersebut, hanya ketua pengawas dan penolong ketua pengawas yang berada di dalam bilik. Tidak berapa lama kemudian, defendan-defendan pertama hingga kelima telah masuk ke bilik tersebut secara berasingan. Pada lebih kurang 10.40 malam sehingga 2 pagi 27 April 2015, kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima telah secara berasingan dan/atau secara bersama-sama telah menyerang, memukul, menendang dan mencederakan plaintif. Anehnya, semasa kejadian ini berlaku, ketua pengawas dan penolong ketua pengawas yang berada di dalam bilik yang sama tidak mengambil apa-apa tindakan atau melarang perbuatan defendan-defendan pertama hingga kelima tersebut. Akibat daripada perbuatan buli tersebut, plaintif telah mengalami kecederaan sepertimana laporan perubatan yang telah dikeluarkan oleh Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.

[5] Seterusnya pada 27 April 2016, defendan-defendan pertama hingga kelima telah didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu melalui No Kes Jenayah KT 85–08–04 Tahun 2016 di bawah s 323 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama.

[6] Pada 1 Jun 2016, defendan-defendan pertama hingga kelima telah mengaku salah akan pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman bon berkelakuan baik selama dua tahun oleh Mahkamah Majistret Kuala Terengganu. Tiada rayuan difailkan oleh kesemua defendan-defendan terhadap sabitan dan hukuman tersebut ke mahkamah tinggi.

[7] Akibat daripada kejadian serangan dan buli tersebut, plaintif menyatakan bahawa beliau telah mengalami kecederaan yang teruk, kejutan dan tekanan perasaan, trauma dan kehilangan tumpuan pembelajaran yang teruk. Plaintif juga mengalami perasaan takut yang mana mengakibatkan plaintif telah bertukar ke Sekolah Menengah Sultan Sulaiman untuk menyambung pelajaran pada 16 Julai 2015.

[8] Keterangan plaintif di mahkamah akan kejadian buli tersebut telah diperincikan seperti berikut: defendan pertama, Safwan telah menumbuk, memukul, membaling bola ragbi ke arah muka dan anggota badan dan juga menyuruh saya *squat*, jika jatuh saya dipukul. Dia juga meletakkan besi berat di atas tangan saya dan seterusnya menolak dan menarik saya. Afiq (defendan kedua) pula telah memukul, menumbuk anggota badan saya serta menolak kepala saya ke loker sehingga loker menjadi kemik. Amirul (defendan ketiga) pula telah menumbuk, memukul dan menggunakan lutut untuk memukul perut saya dan menghentak kepala saya ke lutut dan sikunya. Haziq dan Faris (defendan kelima dan keempat) telah menumbuk, memukul dan menampar perut dan anggota badan saya.

[9] Menurut keterangan plaintif tersebut, adalah jelas dan nyata bahawa defendan pertama sehingga kelima secara bersama-sama telah bertindak mencederakan plaintif dengan niat iaitu memukul, menampar, membaling bola ragbi dan juga menghentak kepala plaintif ke loker. Perbuatan kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima ini yang telah mencederakan plaintif adalah selari dengan pengakuan bersalah yang telah dibuat di hadapan Majistret Kuala Terengganu semasa pertuduhan telah dibaca dan diterangkan kepada kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima. Jelas bahawa pengakuan bersalah kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima tersebut dibuat dengan penuh pengetahuan dan ini menunjukkan bahawa mereka kesemuanya sememangnya tahu akan apa yang berlaku pada malam tersebut. Oleh itu keterangan defendan-defendan pertama hingga kelima di

A mahkamah tinggi semasa perbicaraan haruslah ditimbang secara teliti memandangkan kesemua mereka telah disabitkan di atas pertuduhan dengan sengaja mencederakan plaintif.

B **[10]** Akibat daripada perbuatan defendan-defendan pertama hingga kelima tersebut, pihak sekolah telah hadir di rumah plaintif untuk berbincang dan juga menawarkan pampasan sebanyak RM1,000 yang mana ini telah ditolak oleh keluarga plaintif.

C **[11]** Akibat daripada aduan yang dibuat oleh bapa plaintif, pihak pentadbiran sekolah juga telah mengambil tindakan terhadap kelima-lima defendan, di mana lembaga disiplin sekolah telah menjatuhkan hukuman gantung persekolahan selama dua minggu kepada defendan pertama sehingga defendan keempat, manakala defendan kelima pula telah dibuang sekolah. Walau bagaimanapun defendan kelima telah membuat permohonan menukar
D sekolah bagi menggantikan hukuman buang sekolah dan Pengetua Sekolah SESMA telah membenarkan permohonan defendan kelima tersebut.

[12] Ini juga menunjukkan bahawa apa yang telah dilakukan oleh kesemua
E defendan-defendan pertama hingga kelima adalah satu kesalahan yang serius yang mewajarkan tindakan disiplin diambil terhadap kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima tersebut.

[13] Walaupun apa yang dilakukan oleh defendan-defendan pertama hingga
F kelima terhadap plaintif, plaintif dikatakan tidak melaporkan kejadian buli tersebut pada peringkat awalnya. Plaintif menyatakan bahawa beliau telah diugut oleh kesemua defendan-defendan pertama sehingga kelima agar tidak melaporkan perbuatan tersebut, di mana jika tidak, plaintif akan dipukul dengan lebih teruk lagi. Malahan ketua pengawas dan penolong ketua
G pengawas sentiasa menjenguk plaintif di bilik dorm dan memberi amaran untuk tidak membuat aduan akan kejadian buli tersebut.

[14] Pada 27 April 2015, semasa plaintif bangun dari tidur, beliau mendapati ada kesan tompokan darah di telinga dan bantal dan plaintif telah
H memberitahu Penyelia Asrama untuk mendapatkan rawatan di klinik. Walau bagaimanapun, plaintif tidak menyatakan hal buli tersebut kepada Penyelia Asrama oleh kerana takut dengan ancaman dan ugutan yang dibuat oleh ketua pengawas dan penolong ketua pengawas serta ugutan daripada kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima. Plaintif telah dibawa ke Klinik
I Kesihatan Bukit Tunggal pada 27 April 2015 untuk mendapatkan rawatan dan temu janji seterusnya pada 29 April 2015. Semasa mendapatkan rawatan di klinik tersebut pada 27 April 2015, beliau tidak memberitahu akan punca kecederaan tersebut dan hanya pada 29 April 2015, plaintif telah menceritakan apa yang berlaku. Setelah dihubungi oleh Pembantu Perubatan Klinik atas

aduan plaintif, bapa plaintif telah datang ke klinik tersebut, di mana plaintif telah dibawa ke Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu untuk mendapatkan rawatan segera kerana gegendang telinga kanan telah pecah. Laporan polis telah dibuat ekoran kejadian buli tersebut pada 30 April 2015.

[15] Plaintif juga telah dibawa ke Klinik Venka dan juga ke Klinik Lee pada 19 Mei 2015 untuk pemeriksaan telinga. Plaintif juga telah dibawa untuk mendapatkan rawatan di KPJ Health Perdana Specialist Hospital di Kota Bharu. Ibubapa plaintif juga telah membeli ubat-ubatan seperti pati gamat, spirulina serta ubat-ubatan tambahan yang lain untuk kesihatan plaintif. Kecederaan yang teruk adalah di telinga kanan, kejutan dan tekanan perasaan. Plaintif juga menyatakan bahawa beliau telah berpindah ke Sekolah Menengah Sultan Sulaiman pada 6 Julai 2015 akibat tekanan perasaan dan juga trauma.

ISU-ISU UNTUK DIBICARAKAN OLEH MAHKAMAH

[16] Pihak-pihak telah bersetuju akan isu-isu seperti berikut, khususnya bagi liabiliti, iaitu:

(a) sama ada defendan pertama sehingga kelima secara berasingan atau bersama-sama telah menyerang atau memukul atau membuli plaintif pada 26 April 2015 pada lebih kurang 10.40 malam sehingga pukul 2 pagi, 27 April 2015;

(b) sama ada defendan keenam sehingga kesembilan telah gagal, enggan atau cuai untuk memastikan keselamatan plaintif semasa berada di dalam kawasan sekolah SESMA tersebut;

(c) sama ada defendan keenam dan defendan ketujuh secara bersama-sama, berasingan dan *vicarious* bertanggngjawab ke atas plaintif di atas segala perbuatan dan tindakan buli yang dilakukan oleh defendan pertama sehingga defendan kelima;

(d) sama ada defendan-defendan kelapan dan kesembilan adalah secara bersama-sama, berasingan dan *vicarious* bertanggungjawab ke atas segala kecuaian dan tindakan defendan pertama sehingga ketujuh;

(e) sama ada akibat dari tindakan dan perbuatan defendan-defendan tersebut, plaintif telah mengalami kecederaan teruk, terkejut dan tekanan perasaan, trauma, kehilangan tumpuan pembelajaran, kehilangan dan perbelanjaan yang teruk; dan

(f) sama ada plaintif berhak mendapat ganti rugi am, ganti rugi khas, ganti rugi melampau, ganti rugi teladan dan kos kesan daripada kejadian buli, serangan dan pukul tersebut.

A PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[17] Daripada keterangan plaintif di mahkamah, adalah jelas bahawa kesemua defendan-defendan pertama sehingga kelima telah menumbuk, memukul, menyerang dan mencederakan plaintif di dalam bilik ketua pengawas dan penolong ketua pengawas sekolah SESMA dengan kehadiran ketua pengawas dan penolong ketua pengawas yang mana pada masa kejadian tidak langsung melarang atau menghalang kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima daripada mencederakan plaintif. Ini jelas menunjukkan bahawa ketua pengawas dan penolong ketua pengawas selaku wakil pihak pentadbiran sekolah telah bersekongkol dan bersubahat di dalam perbuatan tersebut walaupun mereka tidak mengambil peranan aktif.

[18] Oleh kerana kejadian buli tersebut berlaku di bilik ketua pengawas dan bilik penolong ketua pengawas, jelas menunjukkan bahawa ianya berlaku di atas kesedaran yang penuh dan kejadian buli ini bukanlah berlaku di tepi padang atau di luar kawasan sekolah yang mewajarkan pihak sekolah tidak campur tangan akan apa yang dilakukan oleh defendan-defendan pertama hingga kelima terhadap plaintif.

[19] Memandangkan bilik ketua pengawas dan bilik penolong ketua pengawas adalah sebagai wakil pihak pentadbiran khususnya, defendan keenam dan ketujuh harus bertanggungjawab akan apa yang berlaku di dalam bilik tersebut di antara 10.40 malam, 26 April 2015 sehingga 2 pagi, 27 April 2015.

[20] Oleh kerana kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima telah membuat pengakuan bersalah sewaktu dihadapkan ke mahkamah majistret, maka pengakuan bersalah tersebut adalah mengikat kesemua defendan-defendan pertama hingga kelima yang mana mereka telah mengaku mencederakan dan membuli plaintif pada tarikh dan masa kejadian. Oleh kerana tiada rayuan dibuat ke mahkamah tinggi akan keputusan tersebut, maka pengakuan bersalah defendan-defendan pertama hingga kelima adalah muktamad dan mengikat. Ini juga bermakna bahawa defendan-defendan pertama hingga kelima adalah bertanggungan di atas segala perbuatan yang telah dilakukan terhadap plaintif di bilik ketua pengawas dan penolong ketua pengawas tersebut.

[21] Anehnya pihak pengurusan sekolah (defendan keenam dan ketujuh) tidak memanggil ketua pengawas dan penolong ketua pengawas yang dikatakan ada bersama-sama di dalam bilik tersebut semasa defendan pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima memukul dan menyerang plaintif. Menurut plaintif, kedua-dua mereka ini turut ada bersama-sama semasa kejadian tersebut tetapi tidak pula melarang atau menghalang perbuatan

kesemua defendan-defendan tersebut. Jikalah kedua-dua saksi ini dipanggil ke mahkamah untuk member keterangan, sudah tentulah mereka akan dapat menceritakan hal sebenarnya dan menyangkal apa-apa yang dikatakan oleh plaintif. Oleh itu, kegagalan defendan keenam dan ketujuh untuk memanggil dua saksi penting ini membolehkan mahkamah mengguna pakai *adverse inference* menurut s 114(f) Akta Keterangan 1950.

[22] Walaupun pihak sekolah melalui keterangan SD13 (Rahmat bin Omar) ada mengakui bahawa beliau adalah warden yang bertugas pada malam tersebut, SD13 telah tidak memeriksa bilik ketua pengawas dan menganggap bahawa beliau tidak perlu memeriksa bilik ketua pengawas tersebut. Jikalah SD13 selaku warden yang bertugas pada malam tersebut telah menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab, sudah tentulah beliau akan memeriksa kesemua dorm pelajar termasuk bilik ketua pengawas. Jika ini telah dilakukan, sudah tentulah kejadian buli tersebut akan diketahui dan plaintif sudah tentu tidak mengalami kecederaan tersebut.

[23] Keterangan SD14 dan SD16 juga bersetuju bahawa sebagai PKHEM, mereka adalah bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal keselamatan pelajar-pelajar sekolah dan juga di asrama. Sebagai pengetua dan pengerusi juga mereka bertanggungjawab ke atas segala kerja yang dilakukan oleh warden di sekolah tersebut.

[24] Daripada keterangan SD13, SD14 dan SD16 jelas bahawa defendan keenam dan defendan ketujuh punya tugas bertanggungjawab atau punya kewajipan penjagaan (*duty of care*) terhadap plaintif.

[25] Di dalam kes *Mohamed Raihan bin Ibrahim & Anor v Government of Malaysia & Ors* [1981] 2 MLJ 27; [1980] 1 MLRA 10, di mana mahkamah persekutuan memutuskan, antara lain:

> It is settled law that a school teacher is under a duty to exercise supervision over his pupils when they are in the school premises, either in the classroom or the playground. The degree of supervision depends on the circumstances of each case, such as the age of the pupils and what they are doing at the material time. If the teacher knows that the pupils are engaged in doing acts which are likely to cause injuries to one another, the teacher is under a duty to take steps to ensure the safety of the acts.

[26] Di dalam kes *Nurul Atikah binti Mustafa Kamal (seorang kanak-kanak mendakwa melalui bapa atau wakil litigasi, Mustafa Kamal bin Omar) v Nurazlina Suriani binti Zulkifly & Ors* [2019] MLJU 178; [2019] MLRH 393, mahkamah memutuskan, antara lain:

> [32] The third defendant as the statutory body vested with responsibility to manage and administer the MRSM, including but not limited to the employment of

A teachers and selection of students and setting the rules and regulations governing the operations of the MRSM, would be vicariously liable for the breach of any duty of care owed by the teacher to the student. The third defendant is also the employer of both the first and second defendants. Hence, the third defendant would be vicariously liable for injury caused to any third person arising from the acts or B omissions of the first or second defendants that were carried out during their normal course of duty. Thus, the breaches of duty of care by the first and second defendants, who are respectively teacher and principal of the MRSM, and who are under the employment of the third defendant, would clearly give rise to vicarious liability.

C **[27]** Daripada nas-nas di atas, mahkamah memutuskan bahawa defendan kelapan selaku Majikan dan Principal kepada defendan-defendan keenam dan ketujuh adalah bertanggungjawab di atas hal ehwal pelajar di sekolah SESMA tersebut dan dengan itu defendan kelapan adalah bertanggungan secara *vicarious* di atas perlanggaran kewajipan tersebut.

D

[28] Mahkamah juga memutuskan bahawa defendan kesembilan adalah bertanggungan secara *vicarious* terhadap perbuatan dan tindakan defendan-defendan keenam, ketujuh dan kelapan di atas kecederaan yang menimpa plaintif.

E

[29] Mahkamah juga merujuk kepada kes yang sama di mana mahkamah memutuskan, antara lain:

[34] I am, with respect, unable to accept both the arguments. Firstly, the plaintiff F has identified the fourth defendant, ie the Minister of Defence, who is under the employment of the fifth defendant, the Government of Malaysia, as the tortfeasor. The Federal Court in *Kerajaan Malaysia & Ors v Lay Kee Tee* [2008] 2 MLRA 735 held that:

> ... on the proper construction of ss 5 and 6 of Act 359, in any claim in tort against G the Government, the officer of the Government who was responsible for the alleged tortious act must be made a party and his liability be established before the Government can be made liable vicariously as principal. It would be insufficient to merely identify the officer without joining the officer as a party because liability by evidence needs to be established. It is only upon a successful claim against the officer personally can a claim be laid against the Government.

H

In the presence case, I find that the tortfeasor, ie the officer of the Government responsible for the alleged tortious act, has been properly identified and named as party, and that person is the fourth defendant.

I **[30]** Di dalam kes *Mek Eshah Jusoh v Kerajaan Malaysia dan lain-lain* [2017] MLRHU 1276, di mana mahkamah memutuskan, antara lain:

It has been established that the fifth defendant and the sixth defendant are polis bantuan employed by the first defendant at CCRC Kota Tinggi. Their job scope was to ensure the safety of the inmates and to look after their farewell. It is not disputed

that the deceased had tried to escape from the centre but was arrested. It is also not disputed that the deceased was assaulted by the fifth defendant and the sixth defendant and several other polis bantuan in two places, one in the UPP and other in the Detox room which had caused the death of the deceased. The fifth defendant and the sixth defendant were charged with murder of the deceased in the criminal court but were convicted of culpable homicide under s 304(a) of the Penal Code.

It is therefore clear that the fifth defendant and the sixth defendant are the tortfeasors who had assaulted the deceased and had caused his death. Hence the plaintiff could bring a suit against the Government of Malaysia (first defendant) under s 6 of the GPA 1956 for the wrongful act committed by the fifth defendant and the sixth defendant. The first defendant will be vicariously liable for the wrongful acts of the fifth defendant and the sixth defendant if the plaintiff could prove that such wrongful acts were carried out by the fifth defendant and the sixth defendant in the course of their employment.

[31] Daripada nas-nas di atas, mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa kesemua defendan-defendan khasnya defendan keenam hingga kelapan adalah bertanggungan ke atas kejadian yang berlaku terhadap plaintif dan dengan mengguna pakai peruntukan ss 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956, defendan kesembilan adalah bertanggungan secara *vicarious* terhadap plaintif.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[32] Setelah menimbang segala keterangan yang ada, mahkamah dengan ini mendapati dan memutuskan bahawa kesemua defendan-defendan adalah bertanggungan cuai terhadap plaintif dan dengan itu kesemua defendan-defendan adalah bertanggungan ke atas kerugian yang dialami oleh plaintif.

[33] Bagi isu kuantum, mahkamah telah merujuk kepada laporan kecederaan yang dikeluarkan oleh Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, iaitu:

(a) *right traumatif perforation of right tympanic membranee*;

(b) *hearing loss at 500Hz, 1kHz, 2kHz, conductive type*;

(c) *bilateral jaw pain*;

(d) *tinnitus over right ear*;

(e) *trauma*;

(f) lebam di muka, kaki dan perut; dan

(g) kecederaan-kecederaan lain.

[34] Setelah menimbangkan keterangan yang ada, mahkamah memberikan ganti rugi seperti berikut:

Ganti rugi khas:

(a) kos laporan perubatan — RM807.50;

(b) laporan perubatan pakar — RM240;

(c) laporan polis — RM6;

(d) kos ulang alik ke hospital — RM1,000;

(e) kos guaman Tetuan Ramlan & Co — ditolak kerana resit hanya RM10;

(f) kos rawatan dan rundingan — RM464;

(g) kos makanan berkhasiat (*supplement*) — RM2,116.70; dan

(h) jumlah keseluruhan gantirugi khas — RM4,634.20.

Ganti rugi am:

(a) kecederaan di muka (rahang), kaki dan perut — RM20,000;

(b) kecederaan di telinga kanan (hilang pendengaran) — RM50,000;

(c) kos alat pendengaran (*hearing aid*) — RM252,000;

(d) trauma dan tekanan perasaan — RM100,000; dan

(e) jumlah keseluruhan gantirugi am — RM422,000.

Ganti rugi teladan — RM120,000.

Mahkamah mengambil kira sekolah telah mengambil tindakan susulan dengan berjumpa dengan ibubapa plaintif dan tindakan telah diambil terhadap defendan pertama hingga defendan kelima, di mana defendan pertama hingga defendan keempat telah digantung sekolah selama dua minggu dan defendan kelima telah ditukarkan sekolah.

Ganti rugi Teruk — Tiada.

[35] Mahkamah membenarkan faedah sebanyak 4% setahun bagi ganti rugi khas daripada 26 April 2015 sehingga tarikh penghakiman dan seterusnya 8% setahun sehingga tarikh penyelesaian penuh. Faedah 5% bagi ganti rugi am daripada tarikh pemfailan kes sehingga tarikh penyelesaian penuh.

[36] Mahkamah juga memerintahkan supaya defendan pertama hingga defendan kesembilan membayar kos kepada plaintif sebanyak RM10,000 setiap pihak.

Tuntutan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh